

# MAKALAH PPUK

Editor:

 Mohd Hairul bin Khamidun  
 Wan Ainaa Mardhiah binti Wan Zahari

## KATA ALUAN DEKAN BAHARU

Assalamualaikum w.b.t & Salam Sejahtera

Y. Bhg Dr/Tuan/Puan

1. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya kita masih dipanjangkan umur bermanfaat dan dilimpahi rezeki halal melimpah ruah.

2. Seperti Y. Bhg Dr/Tuan/Puan sedia maklum, saya diberi kepercayaan menyandang jawatan giliran “Dekan PPUK” berkuat kuasa 19 Jun 2022 lepas. Saya dengan rasa rendah diri dan berlapang dada menerima jawatan ini sebagai salah satu amanah terbesar dalam hidup.

3. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Universiti dan seluruh warga PPUK yang memberikan kepercayaan ini. Tidak lupa juga kepada Y. Bhg Prof. Madya Dr Khairul Azman Mohammad Suhaimy – Dekan PPUK ke 2 (2018 – 2022) yang sentiasa menyokong, mendorong dan memberikan keyakinan. Begitu juga halnya kepada Y. Bhg Prof Dr Hj Rosman Md Yusoff – Dekan PPUK pertama (2016-2018) yang telah menetapkan batu asas serta standard yang harus dicapai oleh seluruh warga PPUK.

Y. Bhg Dr/Tuan/Puan

4. Marilah kita bekerja bersama-sama!! Saya tidak mampu berseorangan. Mohon jasa baik semua agar sentiasa ingatkan saya tentang apa yang betul dan apa yang salah. Tentang apa yang perlu lagi dilakukan untuk keluarga PPUK kita. Saya menyeru seluruh bahagian i) pentadbiran, ii) pengajian umum, iii) kokurikulum berkredit dan iv) pasca siswazah agar sederap membawa hala tuju yang di tetapkan.

5. Tidak boleh ada “herotan” pada mana-mana bahagian di PPUK ini. Tidak boleh ada yang “ditinggalkan” atau “meninggalkan”. Pasti apa yang kita lakukan perlu berada dalam ruang pengetahuan “kekuatan”, “kelemahan”, “peluang” dan “ancaman” yang telah kita kenal pasti lebih awal. Dalam hal ini saya mengharapkan budaya kerja yang lebih erat dan dinamik di masa hadapan.

6. Moga pekerjaan kita dirahmati Allah dan menjadi ibadat yang diterima.

Wassalam

# JASAMU DIKENANG, BUDIMU DISANJUNG

Pada 1 Jun 2022, PM Dr. Khairul Azman bin Mohammad Suhaimy telah bersara. Beliau telah dilantik menjadi Dekan PPUK pada 1 Disember 2020 sehingga 31 Mei 2022. Banyak agenda dan perubahan yang telah dilaksanakan oleh beliau bagi memacu kecemerlangan di PPUK. Ribuan terima kasih kami ucapkan dan jasa beliau amat kami hargai.





# PELANTIKAN DEKAN BAHARU PPUK

Tahniah diucapkan kepada Dr. Lutfan bin Jaes di atas pelantikan sebagai dekan baharu PPUK yang berkuatkuasa mulai 19 Jun 2022 bagi menggantikan PM Dr. Khairul Azman bin Mohammad Suhaimy yang telah bersara pada 1 Jun 2022. Semoga PPUK akan terus cemerlang di bawah kepimpinan Dr.Lutfan.





# MAJLIS PENGHARGAAN SEMPENA PERSARAAN DAN RUMAH TERBUKA HARI RAYA PPUK

Pada 26 Mei 2022 telah berlangsung majlis penghargaan sempena persaraan PM Dr. Khairul Azmin bin Mohd Suhaimy dan juga rumah terbuka PPUK sempena Aidilfitri 2022. Sambutan ini dimeriahkan dengan kehadiran semua staf PPUK dari Jabatan Sains Sosial, Jabatan Pengajian Islam dan Bahagian Kokurikulum.






Sempena bulan Ramadan, pada 21 April 2022 telah berlangsung program Ihya Ramadan kerjasama antara Jabatan Pengajian Islam, BERKAT PPUK dan Institut Agama Islam Negeri Kudus. Tujuan program ini adalah untuk memberi pengkongsian ibadah dan amalan yang boleh dilakukan sepanjang bulan Ramadan. Program ini dilaksanakan secara dalam talian yang disampaikan oleh penceramah jemputan Dr. Makmun Mukmin, M.Ag dan Dr. H. Zumrodi, M.Ag.





Wacana Ilmiah Falsafah dan Isu Semasa telah berlangsung pada 3 Jun 2022 (Jumaat) secara atas talian melalui platform Zoom dan disiarkan secara live di Facebook Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK). Wacana ini melibatkan staf UTHM, orang awam dan semua pelajar yang mengambil Kursus Falsafah dan Isu Semasa sama ada di peringkat Ijazah dan Diploma. Wacana ilmiah ini merupakan program yang diadakan pada setiap semester anjuran Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Wacana ilmiah yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Khalif Muammar bin A.Harris daripada Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (CASIS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ini memberi input tentang krisis ilmu dan kebenaran pada zaman moden. Pendedahan ini wajar agar generasi masa kini dapat mencorakkan masa hadapan yang lebih baik disebabkan oleh berlakunya masalah keruntuhan makna atau collapse of meaning yang melibatkan isu kemanusiaan. Wacana ilmiah ini boleh ditonton semula melalui link <https://www.facebook.com/ppuk.uthm/videos/322916188407110>






Pada 3 Jun 2022 (Jumaat) telah diadakan Wacana Ilmiah Pengajian Islam secara atas talian melalui platform Zoom dan disiarkan secara live di Facebook Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK). Wacana ini melibatkan staf UTHM, orang awam dan semua pelajar yang mengambil Kursus Pengajian Islam. Wacana ilmiah ini merupakan program yang diadakan pada setiap semester anjuran Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki bin Salleh iaitu pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyampaikan wacana yang bertajuk 'Realiti Aplikasi Produk Perbankan Islam di Malaysia'. Wacana ini memberi informasi tentang sistem kewangan Islam dan beberapa bentuk aplikasi syariah dalam perbankan Islam. Wacana ilmiah ini boleh ditonton semula melalui link

<https://www.facebook.com/jpippuk.uthm/videos/1424868581289123>



# BENGKEL & KURSUS

Kursus Bahasa Badan yang disampaikan oleh En. Shahrom Hassan, kaunselor berdaftar dan pakar bahasa badan telah berlangsung pada 17 April 2022 secara dalam talian. Kursus ini telah dihadiri pengajar Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB) Sem II Sesi 2021/2022. Tujuan kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran pengajar KKB dalam komunikasi tubuh badan.



Pengarah Penerbit UTHM Prof. Ts. Dr. Amir Bin Khalid telah dijemput oleh PPUK untuk menyampaikan perkongsian kaedah dan teknik penerbitan artikel jurnal berindeks SCOPUS. Bengkel ini telah diadakan secara hibrid pada 12 Mei 2022.



Pada 18 Mei 2022 Bengkel Penulisan Dan Penerbitan (Go Easy With Action Research) telah dijalankan di Galeri Ilmu, PPUK UTHM. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan teknik menulis dan menerbitkan artikel dalam kalangan staf PPUK yang disampaikan oleh Dr. Sarala @ Thulasi A/P Palpanadan.





Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) dengan kerjasama Kolej Kediaman Dalam Kampus telah menganjurkan program “BRAND IT LIKE BECKHAM : HOW TO MARKET OURSELVES” yang disampaikan oleh Profesor Adjung Tan Sri Johan Jaaffar secara dalam talian pada 26 Mei 2022.

**UTHM**  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA

**BRAND IT LIKE BECKHAM:  
HOW TO MARKET  
OURSELVES**

Bersama:  
Tan Sri Johan Bin Jaaffar  
Tahoh Wartawan Malaysia ke-12  
Tahoh Sasterawan UTHM  
**Moderator**

26 Mei 2022 | 2:00 PM - 4:30 PM

Platform:  
f LIVE  
zoom

Link Zoom  
[QR Code]

Pendaftaran  
[QR Code]

ANJURAN KERJASAMA  
PPUK IKKDK KOLEJ KEDAIAMAN DALAM KAMPUS

TBI D'WATI  
TBI UTHM  
TBI STUDIOS



Dua siri Bengkel Penulisan dan Penerbitan Berita Serta Kenyataan Media telah dilaksanakan oleh Jabatan Kokurikulum khas bagi pengajar kursus kokurikulum berkredit (KKB). Siri pertama telah berlangsung di Kampus Pagoh UTHM pada 2 Jun 2022. Manakala di Kampus Induk UTHM pada 12 Jun 2022. Penceramah jemputan bagi kedua-dua bengkel ini adalah Puan Suriyati Binti Baharom dari Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat UTHM. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menulis dan penerbitan berita oleh pengajar KKB dengan mengikut teknik dan garispanduan yang sebenar.



# UNIVERSITY COMMUNITY ENGAGEMENT (UCE)

Sebanyak 118 program UCE telah dijalankan oleh pelajar-pelajar kursus kokurikulum ber kredit bagi Semester II 2021/2022. Program UCE ini telah dijalankan pada bulan April hingga Jun 2022.



Senarai program UCE tersebut adalah seperti berikut:

1.	WAKE UP CALL: YOU SHAPE YOUR FUTURE	41.	KLINIK KEMAHIRAN ASAS BADMINTON	81.	ARDUINO BOOTCAMP
2.	OUR EARTH OUR LIVES	42.	SMASH IT - VITUAL BADMINTON LESSON	82.	CATCHES OF IOT
3.	UTHM CARE 7.0	43.	BENGGEL ASAS BOLA BALING	83.	USAHAWAN BELIA
4.	ROAD TO FUTURE	44.	KLINIK KEMAHIRAN ASAS BOLA JARING	84.	BICARA NIAGA DIGITAL: PENTERNAK ARNAB
5.	UTHM CARE 8.0	45.	LIFE IS BETTER WITH GOAL	85.	ENTREPRENEUR : FROM ZERO TO HERO
6.	PERKAHWINAN SHAKINAH _ PERSIAPAN BERMULA DARI BUJANG	46.	KLINIK BOLA LISUT	86.	TURNING DREAM INTO REALITI
7.	KURSUS KEPIMPINAN IMAM DAN MUAZZIN	47.	FOOTBALL : THE GAME TO UNIT	87.	LANGKAH AWAL KESELAMATAN
8.	TEAMWORK MAKES THE DREAM WORK	48.	SEMUANYA BOLA SEPAK	88.	PENCEGAHAN KEMALANGAN DAN PERTOLONGAN CEMAS 5.0
9.	PREPARATION FOR HIGH SCHOOL	49.	KLINIK ASAS CATUR	89.	LET'S UNITE TO RESCUE
10.	KEPIMPINAN DALAM PENGURUSAN DIRI DAN ORGANISASI	50.	LE CASA DE FUTSAL	90.	PERSIAPAN DAN PERSEDIAAN MENGHADAPI BENCANA
11.	SMART EVENT PLANNER	51.	THE FOUNDATION OF FUTSAL	91.	CREATIVE YOUTH
12.	TIPS AND TRICKS TO SUCCESSFUL EVENT MANAGEMENT	52.	GAIN KNOWLEDGE WITH HOCKEY 1.0	92.	NATURE IS OUR TREASURE, LET'S PRESERVE IT
13.	BENGGEL KEMAHIRAN PENYELENGGARAAN KOMPUTER	53.	LET'S EXPLORE HOCKEY WITH US	93.	A BETTER ME IS COMMING
14.	TECHNOVANZA	54.	THE SACRED ARROW	94.	PLASTIC BUSTERS
15.	SHOW US YOUR CREATIVITY	55.	THE STORY OF PING PONG	95.	KITA PENYELAMAT
16.	VIRTUAL MALAYSIA	56.	KLINIK RAGBI	96.	KITA PENYELAMAT, SEMUA SELAMAT
17.	DECO-DECO PENGANTIN	57.	KEM BESTARI TAKRAW	97.	KITA TUNJANG PENYELAMATAN NEGARA
18.	ONE STEP TO BOOST CREATIVITY	58.	MARI MENGENALI SUKAN SEPAK TAKRAW	98.	WIRA MERAH
19.	CONCRETE PROFICIENCY	59.	BENGGEL ASAS SILAT OLAHRAGA	99.	GABUNG
20.	ZERO TO HERO : PRODUCTION WORKSHOP	60.	BENGGEL TEKNIK OLAHRAGA BALAPAN	100.	ASAS KEMAHIRAN KEMANDIRIAN
21.	GUIDE US TO THE STRAIGHT PATH	61.	KURSUS PENGURUSAN KEJOHANAN OLAHRAGA	101.	DEVELOPING SCOUT'S ETHOS
22.	BICARAWARA AL-QURAN	62.	THE STORY OF RUN, JUMP AND THROW	102.	AMALAN GAYA HIDUP SIHAT, CIRI GENERASI SEJAHTERA
23.	KLINIK PENGUCAPAN AWAM	63.	BENGGEL ASAS TAEGEUK SUKAN TAEWONDO	103.	WEBINAR ASAS PERTOLONGAN
24.	BENGGEL BIJAK BICARA	64.	SHINRIN CAMP	104.	CEMAS
25.	LET'S TALK ABOUT JOURNALISM	65.	ASAS MENYELAMAT AKUATIK	105.	RELA PENYATU BANGSA
26.	JOURNALISM : GOING BEYOND THE HEADLINES	66.	SWIMMING SAFETY	106.	PUNCAK KEPIMPINAN
27.	CHOIR 101	67.	KLINIK ASAS SUKAN DAN KECERGASAN	107.	RELASIS MENGASPIRASI JIWA SETIA BERBAKTI
28.	GEMA WARISAN KOMPANG	68.	CIPTA BISNES KECIL- PEMBUATAN RENDANG	108.	MEMAKSIMAKAN POTENSI DIRI DAN JATI DIRI
29.	MUSIC ECHOES 2.0	69.	BUAT DUIT ONLINE	109.	MAHABBAAH WARGA EMAS
30.	ILMU PERSILATAN TONGGAK PERADABAN MELAYU	70.	KAJIAN LAPANGAN KESEDIAAN PEMBELAJARAN PELAJAR IPT DI FASA ENDEMIK	110.	REFORMASI PENJARA, PEMANTAPAN DIRI
31.	BINA WAJADIRI	71.	CYBER SECURITY AWARENESS WEBINAR 3.0	111.	KEMBARA KASIH DAN AMAL
32.	FIGHTERS CHAMPION	72.	CYBER THREAT ALLIANCE	112.	PROGRAM WACANA ILMU: KEMAHIRAN PERTAHANAN AWAM
33.	KURSUS ASAS TARANUM AL-QURAN (ASTAQ)	73.	CHANGE YOUR LENS, CHANGE YOUR STORY	113.	WACANA ILMU: PERTOLONGAN CEMAS
34.	BENGGEL WARISAN TARI RAKYAT MALAYSIA 2022	74.	KEMBARA SUCI HARAMAIN 2022 (KSH 2022)	114.	PROGRAM WACANA ILMU: KESIAPSIAGAN KOMUNITI
35.	BENGGEL ZAPIN LENGA	75.	KURSUS UMSRAH MEGA	115.	GABUNG SISPA I S2
36.	THEATER PROGRAMME - PRESENT YOUR ART	76.	JOM BELAJAR SEMBELIH	116.	PALAPES PEMANGKIN NEGARA
37.	SIMFONI IRAMA ASLI	77.	ALAM BARZAKH	117.	APA ITU JENAYAH?
38.	THE BRASSTACULAR	78.	ILMU FALAK: APA ADA DI LANGIT?	118.	JENAYAH SIBER
39.	THE MAGIC OF BRASSBAND	79.	PENEROKAAN DUNIA LUAR		
40.	GABUNG PANCARAGAM II	80.	SEMINAR ASAS AL-QURAN "MOH KITA NGAJI"		



# UNIVERSITY COMMUNITY ENGAGEMENT (UCE)

Program Bengkel Warisan Tari Rakyat Malaysia 2022 yang dikelola oleh Kursus Kokurikulum Berkredit Senitari Tradisi dan Kreatif (UQB11001, Seksyen 1) telah berlangsung pada 21 Mei 2022, hari Sabtu di mana program ini telah dijalankan secara dalam talian menerusi platform aplikasi Zoom Meeting yang menerima jumlah kehadiran peserta seramai 100 orang pelajar secara keseluruhannya dari pihak kerjasama yang terlibat iaitu dari Politeknik Sultan Idris Shah Sabak Bernam (Jabatan Sukan Kebudayaan dan Kokurikulum), Kolej Vokasional Besut (Balada Anak Seni), Universiti Malaysia Perlis (Kelab Sutramaya) dan Universiti Utara Malaysia (Kelab Bidasari). Tujuan program ini diadakan bagi memberi pendedahan tentang keindahan serta keunikan warisan tari rakyat yang mana Malaysia memiliki kesenian budaya tradisi yang cukup kuat dan ianya merupakan sebahagian daripada kesenian tradisi yang sangat aktif hanya terdapat di Malaysia dan dibahagikan kepada tarian pergaulan dan tarian sosial yang diturunkan dari satu generasi kepada satu generasi yang lain kepada Institut Pengajian Tinggi (IPT) sebagai salah satu apresiasi seni dalam aspek pemerhatian dan penilaian sesuatu seni tari rakyat yang ada di Malaysia disamping itu juga dapat memupuk rasa minat, sayang dan cinta akan seni budaya tradisi dalam memelihara dan melestarikan seni budaya tradisi hingga ke akar umbi khusus dalam kalangan pelajar IPT.



Program Shihrin Virtual Camp 2022 telah berlangsung pada 18 Jun 2022 secara maya. Seramai 43 orang pelajar sekolah rendah telah mengikuti program ini. Antara sekolah yang terlibat adalah peserta dari SK Pintas Raya, SK Seri Sekawan Desa, SK Limpoon 1, SK Kubang Kerian 3, SK Pantai Layang, SK Seri Maamor, Maahad Muhamadi Perempuan dan SK Muhibbah. Objektif pertama program ini adalah untuk memberi pendedahan pelbagai jenis rekreasi dan aktiviti yang boleh dilakukan kepada peserta. Kedua, pelajar mampu mengaplikasikan cara-cara menjalankan kehidupan di hutan (aktiviti rekreasi) turut telah dipelajari di dalam kelas kepada peserta program. Selain itu, program ini juga dapat mewujudkan semangat bekerjasama antara pelajar UTHM dengan peserta yang menyertai program ini. Seterusnya, program ini telah mewujudkan semangat perpaduan dalam kalangan mahasiswa yang berbilang bangsa, agama dan negeri melalui program yang dijalankan. Akhir sekali, program ini dapat menyemarakkan semangat hidup secara sihat dalam kalangan mahasiswa dan masyarakat melalui program yang dijalankan.

Program Bengkel Tarian Zapin Lenga telah berlangsung pada 18 Jun 2022 secara atas talian (Google Meet) dengan penyertaan seramai 20 peserta. Tujuan program ini diadakan untuk berkongsi kemahiran komunikasi dan pendedahan ciri-ciri kepimpinan kepada individu untuk diterapkan dalam kehidupan seharian atau organisasi. Selain tu, program ini memberi pengetahuan kepada pelajar kursus dan peserta dari Pusat Ekonomi Digital Felda Lengatentang Tarian Zapin dengan lebih mendalam. Di samping itu, dapat mewujudkan semangat perpaduan dalam kalangan mahasiswa yang berbilang kaum, budaya, bangsa dan agama melalui program yang dijalankan. Pelajar dan peserta telah memberikan maklumbalas yang baik dalam sesi soal jawab.



Program Musical Echoes 2.0 telah berlangsung pada 25 Jun 2022 secara atas talian dengan penyertaan seramai 159 orang peserta yang melibatkan 10 buah sekolah dari daerah Kluang, Johor dan juga daerah Gombak, Selangor. Sekolah-sekolah yang terlibat daripada daerah Kluang ialah SK Seri Intan, SK Taman Seri Kluang Barat, SK Bandar T6, SK Abdul Rahman Yassin dan SK Tunku Mahmood 1. Manakala sekolah-sekolah daripada daerah Gombak Selangor pula terdiri daripada SK Bukit Rawang Jaya, SK Sungai Tua Baharu, SK Taman Melawati 2, SK Sungai Pusu dan SK Bukit Rahman Putra. Program UCE ini telah dirasmikan oleh Encik Zainuddin bin Md Ramlan, Penolong PPD Bakat Murid, Pejabat Pendidikan Daerah Kluang. Tujuan program ini diadakan adalah untuk berkongsi kemahiran dalam penggunaan aplikasi muzik digital kepada sekolah-sekolah rendah seperti E-Piano, E-Gitar, E-Drum, E-Percussion secara atas talian selari dengan kemajuan teknologi masa kini.





# UNIVERSITY COMMUNITY ENGAGEMENT (UCE)

Program Let's Explore Hockey With Us telah berlangsung dari 20 hingga 21 Mei 2022 secara atas talian yang melibatkan penyertaan seramai 60 peserta. Program UCE ini telah dirasmikan oleh Encik Amirul Shahirin Bin Md Shah iaitu penyelaras sukan hoki bagi Sekolah Kebangsaan Senggaang, Batu Pahat. Penceramah jemputan bagi program ini adalah Encik Mohamad Sukri Bin Abdul Mutalib iaitu bekas ketua Pasukan Hoki Negara. Tujuan program ini diadakan untuk berkongsi kemahiran komunikasi dan pendedahan berkenaan sukan hoki moden.



Pelajar Kursus Kokurikulum Berkredit RELASIS II Seksyen 1, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan satu program University Community Engagement (UCE) yang diberi nama "Puncak Kepimpinan" RELASIS UTHM pada 10 dan 11 Jun lalu. Berita penuh di pautan berikut: <https://news.uthm.edu.my/ms/2022/06/pelajar-relasis-uthm-anjur-program-kepimpinan-suntik-semangat-generasi-muda/>

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Kursus Kokurikulum Pengakap Kelanasiswa II UQR11301 Seksyen 1 Kampus Pagoh menganjurkan program kolaborasi bersama Sekolah Kebangsaan Jenis Cina Jasin Lalang pada 10 dan 11 Jun 2022. Program yang melibatkan penyertaan 87 pelajar sekolah, 15 guru bersama 28 pelajar UTHM bertujuan mendidik golongan muda mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian sekali gus menjauhi budaya negatif yang boleh menjejaskan masa hadapan mereka.

Berita penuh di pautan berikut:

<https://news.uthm.edu.my/ms/2022/06/kumpulan-pengakap-kelanasiswa-uthm-pupuk-amalan-gaya-hidup-sihat/>





# AKREDITASI

Pada 21 dan 22 Jun 2022, sesi lawatan penilaian akreditasi MQA telah dijalankan ke atas Program Doktor Falsafah (PLK) (MQA/FA 11854), Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, UTHM. Panel penilai MQA adalah Prof. Dr. Nurahimah binti Mohd Yusof dan Dr. Mohd Faizal bin Abdul Khir.



Lawatan Penilaian Akreditasi MQA yang telah dijalankan pada 26 - 27 Jun 2022 bagi audit akreditasi penuh Program Sarjana Falsafah (KLK), Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, UTHM. Panel MQA adalah Prof. Madya Dr Berhanuddin Abdullah dan Prof. Madya Dr. Machubala Bava Harji.





# KERJASAMA

Mesyuarat hubungan kerjasama antara Persatuan Olahraga Negeri Johor (POJ) bersama dengan PPUK telah diadakan pada 8 April 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat PPUK. Tujuan pertemuan kali ke-2 ini adalah untuk membincangkan bidang kerjasama yang boleh dilaksanakan di antara dua pihak ini. POJ diwakili oleh Tn. Hj. Sallehuddin bin Hj. Satar (Presiden POJ) dan En. Mathivanan a/l Vellasamy (Setiausaha Kehormat).



Pada 17 Mei 2022 telah diadakan mesyuarat bersama Tn Hj. Yusri bin Hj. Salami (Pen. PPD Pembangunan Bakat Murid) dari Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat. Tujuan utama pertemuan ini adalah untuk mendapatkan penerangan dari pihak PPD dalam permohonan pengiktirafan PAJSK kepada murid sekolah yang menyertai program University Community Engagement (UCE) anjuran Kursus Kokurikulum Berkredit PPUK.



Lawatan ke Studio Pancaragam Askar Timbalan Setia Negeri Johor di Kem Sultan Ibrahim Johor Bahru telah diadakan pada 21 Jun 2022. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat susunatur ruang dan spesifikasi studio sebagai rujukan awalan untuk membangunkan studio pancaragam UTHM.



# PENCAPAIAN

Tahniah kepada staf akademik PPUK yang telah mencapai beberapa kejayaan sepanjang April hingga Jun 2022 dalam bidang inovasi, persidangan antarabangsa dan akademik. PPUK terus memacu kecemerlangan.

**Tahniah**

Dr. Harliana binti Halim

di atas pencapaian

**Penyampai Terbaik**

9th International Conference on Management and Muamalah 2022 (ICoMM 2022)

ihklas daripada  
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum

PPUK UTHM JOHOR | ppuk.uthm | PPUK UTHM | http://ppuk.uthm.edu.my | PPUK

**Tahniah**

Dr. Halimi binti Mohd Khalid (Ketua)  
PM. Ts. Dr. Azman bin Hassan, PM. Abdullah Sulaiman, Shakila binti Jalal & Hemmy Abd Jalal

di atas pencapaian

**PINGAT GANGSA**

di  
MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO MTE 2022

bagi projek bertajuk  
**THE DEVELOPMENT OF TAUHIDIC PARADIGM INDEX**

ihklas daripada  
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum

PPUK UTHM JOHOR | ppuk.uthm | PPUK UTHM | http://ppuk.uthm.edu.my | PPUK

**Tahniah**

WAN AINAA MARDHIAH BINTI WAN ZAHARI

yang telah lulus

uiua PhD dengan jayanya

di  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

ihklas daripada  
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum

PPUK UTHM JOHOR | ppuk.uthm | PPUK UTHM | http://ppuk.uthm.edu.my | PPUK

**Tahniah**

Dr. Khairul Anuar bin Kamri (Ketua)  
Prof. Dr. Mansor bin Mohd Noor & Aizathul Hani binti Abd Hamid

di atas pencapaian

**PINGAT EMAS**

di  
MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO MTE 2022

bagi projek bertajuk  
**CROSS ETHNIC RELATIONSHIP INSTRUMENT-ETHNIC TOLERANCE ONLINE TEST (CERI-ET)**

ihklas daripada  
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum

PPUK UTHM JOHOR | ppuk.uthm | PPUK UTHM | http://ppuk.uthm.edu.my | PPUK

# PPUK DI MEDIA MASSA

**下鄉服務野新拉朗華小**  
**敦胡先翁大學28大專生**

（馬六甲23日訊）馬來西亞敦胡先翁大學（UTHM）28位大專生，日前在野新拉朗華小進行兩天一夜下鄉服務計劃之“健康生活，社會和諧”，獲得87位學生熱烈參與。出席閉幕儀式的嘉賓，有魏喜森州行政議員、董事長拿督鍾譚安、家協主席鍾海權、副主席杜彩蓮和董家協理事。這項計劃宗旨是通過各種活動，提升孩子對健康生活的關注，以培養出一群健康、積極、有學問的國家未來主人翁。當天的活動有韻律操、填色比賽、健康講座及趣味遊戲等。大專生也為學校打造一片科學園地，以培養學生對科學的興趣。羅燕儀校長在致詞中指出，這項活動對學生來說非常有意义，除了灌輸學生健康生活的importance，也能塑造學生良好品德。她不忘感謝魏喜森臨該校，主持閉幕儀式及撥款1000令吉給學校，作為活動基金。魏喜森致詞時說，UTHM一直都有舉辦大專生下鄉服務計劃，讓大專生有豐富人生經歷，培養大專生回饋社會的精神，同時可與鄰區學生溝通互動，提高鄰區學生對教育的認知及重要性。這項活動也能讓大專生激起鄰區學生用功求學的斗志，在鄰區學生心中種下一顆“我要努力讀書”的種子，也無形中為社會、國家教育做出貢獻。

■ 參與兩天一夜下鄉服務計劃的大專生、學生及嘉賓。

■ 給魏喜森（右2起）贈送水果禮籃，右為羅燕儀校長，左為鍾海權。

■ 魏喜森（右2起）贈送水果禮籃。

（UQR 1301）SEKSYEN 1 KAMPUS PAGOH  
PUSAT PENGAJIAN UMUM DAN KOKURIKULUM  
BERSAMA SAMA  
SASIN LALANG  
DAN  
RAERAH JAJARAN

**魏喜森：大專生下鄉服務 對施受雙方皆有裨益**

UTHM大專生《健康生活，社會和諧》下鄉服務計劃，成功在野新拉朗華小舉辦，為學生們奠下良好的求學楷模。（校方提供）

（野新23日訊）甲州行政議員魏喜森指出，大專生下鄉服務計劃是一項具有深刻意义且對施受雙方皆有裨益的課外活動。他說，這項計劃能讓大專生增加人生經歷，培養他們回饋社會的精神，也能讓大專生與鄰區學生進行溝通和互動，提高鄰區學生對學習的認知及努力求學的熱忱。

此外，這項活動也可激發起鄰區學生向大專生看齐，用功求學的斗志，在學生心中種下一顆“我要努力讀書”的種子，日後成為社會國家的優秀接班人。

魏喜森日前受邀為馬來西亞敦胡先翁大學（UTHM）大專生，在野新拉朗華小舉行的名為《健康生活，社會和諧》的下鄉服務計劃主持閉幕禮時如是表示。

他贊揚28位大專生，不辭勞苦來到野新拉朗華小校園，在2天1夜的時間內，為87名學生提供各種活動及系列課程，提升孩子對健康生活的認識，也提高鄰區學生對教育的認知及努力求學的熱忱。

魏喜森也宣布撥款1000令吉，作為野新拉朗華小的活動基金。出席閉幕儀式的嘉賓包括董事長拿督鍾譚安、家協主席鍾海權、家協副主席杜彩蓮和董家協理事。

羅燕儀校長在致詞中表示，這項活動對學生來說非常

董事長鍾譚安（右二起）贈送水果禮籃給閉幕人魏喜森。右一為羅燕儀校長，左一為家協主席鍾海權。（校方提供）

有意义。除了能够灌輸學生健康生活的importance，也能够塑造學生的良好品德。她感謝大專生通過各項活動包括韻律操、填色比賽、健康講座、趣味遊戲等讓學生受益，並為學校打造了一片科學園地，以培養學生對科學的興趣。

校長也感謝各方面的配合及協助，使這項大專生下鄉服務計劃成功進行及圓滿結束。

■ 魏喜森（右二起）贈送水果禮籃。



**FIND US ON**

PPUK  
PUSAT PENGAJIAN UMUM DAN KOKURIKULUM  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

SCAN ME

SCAN ME

SCAN ME

SCAN ME

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum  
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia

PPUK  
PUSAT PENGAJIAN UMUM DAN KOKURIKULUM  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Diterbitkan oleh:  
Jawatankuasa Promosi, Perhubungan Korporat dan Media PPUK  
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja, Batu Pahat,  
Johor, Malaysia.  
Tel: +607-453 7480  
Email: [ppuk@uthm.edu.my](mailto:ppuk@uthm.edu.my)  
Website: <https://ppuk.uthm.edu.my>